



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : QAWAID FIQHIYYAH
KOD KURSUS : DPI2153
PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2016
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi TIGA (3) bahagian:
 - BAHAGIAN A (20 Markah)
 - BAHAGIAN B (60 Markah)
 - BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU
KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 12 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Pernyataan berikut merupakan kepentingan ilmu Kaedah Fiqh, **KECUALI**
 - A. Panduan dan asas untuk istinbat hukum
 - B. Jalan memahami hakikat fiqh dan rahsia-rahsianya
 - C. Menjadi mulia dan tinggi kedudukan apabila menguasainya
 - D. Mampu menetapkan hukum sendiri bagi setiap masalah yang berlaku

2. Antara sumber hukum yang digunakan pada zaman sahabat Rasulullah SAW ialah:
 - i. Ijtihad
 - ii. Ijmak
 - iii. Al-Quran
 - iv. Sunnah
 - A. i, ii dan iii
 - B. i, iii dan iv
 - C. ii, iii dan iv
 - D. Semua pilihan di atas

3. Siapakah sahabat Rasulullah SAW yang diutuskan ke Yaman?
 - A. Uthman bin Afan
 - B. Zaid bin Harith
 - C. Mu'az bin Jabal
 - D. Qadi bin Yusuf

4. Yang manakah antara berikut surah yang menjelaskan bahawa arak diharamkan secara mutlak?
- A. Surah ar-Rum ayat 21
 - B. Surah al-Maidah ayat 90-91
 - C. Surah an-Nisa ayat 43
 - D. Surah al-Baqarah ayat 219
5. Kitab Usul Fiqh yang pertama ditulis oleh Imam Syafi'i ialah
- A. al-Haraj
 - B. al-Asal
 - C. al-Umm
 - D. al-Risalah
6. Kaedah Fiqh pertama yang lahir serta terbentuk ialah _____
- A. Al-adah muhakkamah
 - B. Al-masyaqqah tajlib taisir
 - C. La dharar wa la dhirar
 - D. Al-yakni la yuzal bisyak
7. Antara berikut, sumber rujukan yang digunakan dalam mazhab Maliki ialah:
- i. *Iddah al-Masalik*
 - ii. *Al-Furuq*
 - iii. *Al-Qawaid*
 - iv. *Usul al-Fitya fi al-Fiqh*
- A. i, ii dan iii
 - B. i, iii dan iv
 - C. ii, iii dan iv
 - D. Semua pilihan di atas

8. Pengkhususan dan mengkanunkan fiqh berlaku pada zaman pemerintahan
- A. Abu Tahir al-Dabbas
 - B. Al-Ghaziyy Abd al-Aziz Khan al-Uthmani
 - C. Ibn Qadi al-Jabal
 - D. Muhammad bin Haris bin Asad
9. Pihak berkuasa telah merampas sindiket video lucah di sebuah pusat hiburan dengan tujuan ingin merosakkan video lucah tersebut bagi mengelakkan berlakunya gejala sosial yang berleluasa. Hukum *furu'* ini merupakan kaedah:
- A. Keyakinan tidak hilang dengan keraguan
 - B. Setiap perkara dinilai berdasarkan niat
 - C. Bahaya mesti dihapuskan
 - D. Adat dijadikan hakim
10. Antara kaedah yang berikut, yang manakah adalah pecahan daripada kaedah "*al-Umur bi Maqosidiha*"?
- A. Keadaan darurat ditentukan menurut kadarnya
 - B. Apa yang ada semenjak dahulu, dibiarkan atas kedahuluannya
 - C. Asal segala sesuatu itu tiada
 - D. Amalan fardhu terlaksana dengan niat sunat
11. Antara berikut yang manakah merupakan kategori syak?
- i. Lahir daripada asal atau dasar yang harus
 - ii. Dapat dipastikan asal sumbernya
 - iii. Tidak dapat dipastikan asal atau sumbernya
 - iv. Tidak dapat dipastikan sejarahnya
- A. i, ii dan iii
 - B. i, iii dan iv
 - C. ii, iii dan iv
 - D. Semua pilihan di atas

12. *"Al-Qodimu Yutroku ala Qidamih"* bermaksud
- A. Apa yang ada semenjak dahulu, dibiarkan atas kedahuluannya
 - B. Asalnya seseorang bebas daripada tanggungjawab
 - C. Asal kekal sesuatu itu mengikut apa yang ada sebelumnya
 - D. Asal itu apabila terdedah kepada dalil yang bertentangan dengannya, terbatal

13. *Pak Samad telah dibenarkan mengairi sawahnya dengan menggunakan terusan yang ada di tanah Pak Ismail di mana ianya telah berlaku semenjak sekian lama. Pak Ismail tidak berhak melarang pengairan yang dilakukan oleh Pak Samad walaupun dia tidak mengetahui sejarah asal mulanya.*

Hukum furu' di atas adalah berdasarkan kaedah pecahan:

- A. Asalnya seseorang bebas daripada tanggungjawab
 - B. Asal itu apabila terdedah kepada dalil yang bertentangan dengannya, terbatal
 - C. Asal kekal sesuatu itu mengikut apa yang ada sebelumnya
 - D. Apa yang ada semenjak dahulu, dibiarkan atas kedahuluannya
14. *Azman bersolat dengan berwuduk daripada sebuah perigi selama beberapa hari, pada hari berikutnya dia mendapati ada bangkai dalam perigi itu. Apakah kaedah yang boleh digunakan oleh Azman untuk meyakinkan bahawa dirinya tidak perlu menggantikan kesemua solatnya yang sudah ditunaikan?*
- A. Asal sesuatu adalah harus, hinggalah ada dalil menunjukkan pengharamannya
 - B. Asal setiap yang berlaku diambil kira masa paling hampir
 - C. Asal itu apabila terdedah kepada dalil yang bertentangan dengannya, terbatal
 - D. Asal segala sesuatu itu tiada

15. *Doktor diharuskan untuk melihat aurat pesakit lelaki dan wanita untuk merawat dan tujuan perubatan*

Apakah kaedah yang perlu dipegang oleh seseorang doktor dalam melaksanakan tugasnya?

- A. Kemudaratan-kemudaratan itu membolehkan tegahan-tegahan
- B. Keadaan darurat ditentukan menurut kadarnya
- C. Apabila sesuatu itu luas, hukum menjadi sempit
- D. Keadaan terdesak tidak membatalkan hak orang lain

16. Antara pernyataan berikut, yang manakah menunjukkan *rukhsah sunat*?

- A. Melihat kepada bakal pengantin atau tunang
- B. Berbuka puasa kerana keadaan cuaca panas
- C. Melaksanakan urusan jual beli salam atau secara tempahan
- D. Memakan bangkai dalam keadaan terdesak dan kelaparan

17. "*Al-Dharurah tubihul mahzurah*" bermaksud

- A. Apabila sesuatu itu sempit, hukumnya menjadi luas
- B. Kemudaratan-kemudaratan itu membolehkan tegahan-tegahan
- C. Apabila keadaan menjadi mudah hukum kembali kepada asal
- D. Dharurat ditentukan menurut kadarnya

18. *Saluran longkang rumah En. Hamdan mengalir di jalan umum sehinggakan mengganggu orang ramai. Hal ini menyebabkan En. Hamdan perlu mengambil tindakan sewajarnya*

Apakah kaedah yang digunakan bagi mengatasi masalah tersebut?

- A. Setiap urusan mesti disertai dengan niat
- B. Adat menjadi hukum
- C. Bahaya mesti dihilangkan
- D. Keyakinan tidak hilang dengan keraguan

19. Antara berikut merupakan skop kaedah yang termasuk dalam kaedah "Bahaya Mesti Dihapuskan", **KEQUALI**
- A. Pelaksanaan hukum hudud
 - B. Sewa-menyewa
 - C. Jual beli al-arayah
 - D. Khiyar syarat
20. *Di Malaysia pada masa kini diwajibkan kepada bakal pengantin untuk menghadiri kursus pra perkahwinan dan melakukan pemeriksaan kesihatan.*
- Perkara di atas menjadi sandaran kaedah :
- A. Adat menjadi hukum
 - B. Setiap urusan mesti disertai dengan niat
 - C. Bahaya mesti dihilangkan
 - D. Keyakinan tidak hilang dengan keraguan

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TUJUH(7)** soalan.

Jawab **ENAM(6)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Nyatakan **DUA (2)** perbezaan antara Kaedah Fiqh dan Kaedah Usul.
(2 markah)
- b. Huraikan **DUA (2)** prinsip umum dalam pembentukan perundangan.
(4 markah)
- c. Nyatakan **DUA (2)** pembentukan aliran fiqh pada zaman Tabi' al-Tabi'in.
(2 markah)
- d. Sebutkan **DUA (2)** sumber rujukan dari Mazhab Hanafi.
(2 markah)

SOALAN 2

- a. *Peranan mujtahid dan ulama merupakan salah satu faktor terbentuknya Kaedah Fiqh.*

Nyatakan **TIGA (3)** peranan mujtahid dan ulama dalam pembentukan Kaedah Fiqh.
(3 markah)
- b. Apakah nama kitab Kaedah Fiqh yang terkenal pada zaman mutakhir?
(2 markah)
- c. Berikan **TIGA (3)** kaedah asas yang disebut dalam kitab "*Asybah wa Nazair*".
(3 markah)
- d. Nyatakan **DUA (2)** faedah mempelajari ilmu Kaedah Fiqh.
(2 markah)

SOALAN 3

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan kaedah '*al-Umur bi Maqosidiha*'?
(2 markah)
- b. Jelaskan **DUA (2)** hukum furu' daripada kaedah ini.
(4 markah)
- c. Berikan **DUA (2)** kaedah pecahan daripada kaedah ini.
(2 markah)
- d. Berikan hukum bagi masalah berikut dengan berpandukan kaedah di atas
- i. Pak Mahat berniat menyembahyangkan jenazah wanita, tetapi ternyata jenazah lelaki, atau sebaliknya.
 - ii. Sufiyan berniat berwudhuk dalam hatinya dan lidahnya mengucapkan untuk menyegarkan badan.
- (4 markah)

SOALAN 4

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan kaedah '*al-Yakni la Yuzal Bisyak*'?
(2 markah)
- b. Huraikan **DUA (2)** hukum furu' daripada kaedah ini.
(4 markah)
- c. Nyatakan **DUA (2)** kaedah pecahan daripada kaedah ini.
(2 markah)
- d. Berikan pengertian yang berikut:
- i. *Wahm*
 - ii. *Syak*
- (2 markah)

SOALAN 5

- a. Huraikan maksud kaedah "Kesukaran Membawa Kemudahan".
(2 markah)
- b. Nyatakan **DUA (2)** contoh hukum rukhsah atau keringanan dalam syariat.
(2 markah)
- c. Jelaskan **DUA (2)** jenis-jenis keringanan rukhsah daripada kaedah ini.
(4 markah)
- d. Berikan hukum bagi masalah berikut berpandukan kaedah di atas:
- i. Menggadaikan emas 916 dengan syarikat ar-Rahn untuk mendapatkan pinjaman dengan dikenakan upah simpan sebanyak 0.65 sen bagi setiap RM100 yang dipinjam dengan tempoh pinjaman selama 6 bulan.
 - ii. Azmi memakan bangkai sehingga dia berasa kenyang dengan bertujuan untuk meyelamatkan dirinya daripada kelaparan dan kebuluran.
(2 markah)

SOALAN 6

- a. Berikan **DUA (2)** skop kaedah yang termasuk di bawah kaedah "Bahaya Mesti Dihapuskan".
(2 markah)
- b. Nyatakan **DUA (2)** hukum furu' daripada kaedah ini.
(2 markah)
- c. Huraikan **DUA (2)** kaedah pecahan daripada kaedah ini.
(4 markah)
- d. Berikan hukum bagi masalah berikut berpandukan kaedah di atas
- i. Seseorang yang faqir miskin memberi nafkah terhadap kaum kerabatnya yang faqir miskin juga.
 - ii. Farid berkumur-kumur dan menyedut air ke hidung ketika dia sedang berpuasa
(2 markah)

SOALAN 7

- a. Berikan pengertian *Uruf* menurut Abd al-Wahab Kahallaf.
(2 markah)
- b. Huraikan **DUA (2)** klasifikasi adat beserta contoh.
(4 markah)
- c. Nyatakan persamaan antara adat dengan *Uruf*.
(2 markah)
- d. Berikan **DUA (2)** syarat adat diiktibarkan sebagai sumber perundangan Islam.
(2 markah)

[60 MARKA I]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **DUA(2)** soalan.

Jawab **SATU(1)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

Soalan 1

Jelaskan **EMPAT (4)** cara bagaimana ilmu kaedah fiqh menyokong ilmu fiqh dan usul fiqh untuk membantu seorang faqih memberikan jawapan kepada sesuatu isu moden berkaitan perbankan dan kewangan.

(20 markah)

Soalan 2

Ilmu kaedah fiqh telah mengalami beberapa peringkat dalam perkembangannya sebagai ilmu yang sangat penting bagi para mujtahid.

Berdasarkan kenyataan di atas, huraikan secara terperinci sejarah perkembangan ilmu kaedah fiqh dari zaman awal sehingga ke peringkat penyusunan.

(20 markah)

[20 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

